


pelan inovasi dan kreativiti



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor

Mac 2012

1. TUJUAN

Pelan Tindakan Inovasi dan Kreativiti Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD Selangor) ini disediakan dengan bertujuan seperti berikut:

- Sebagai panduan dari segi pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti inovasi dan kreativiti JPBD Selangor di bawah Unit Inovasi.
- Sebagai panduan untuk digunapakai dalam penyediaan program dan aktiviti membudayakan inovasi dan kreativiti di semua peringkat warga JPBD Selangor samada di peringkat Bahagian dan Unit.
- Memberi pengiktirafan dan promosi terhadap hasil inovasi yang bernilai dan berimpak tinggi.

2. LATARBELAKANG

Pada masa kini JPBD Selangor menghadapi pelbagai cabaran yang kompleks berikutan dengan perubahan sosial dan ekonomi. Persekitaran ini menuntut sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif yang dapat memenuhi atau melangkaui ekspektasi dan kehendak pelanggan dan *stakeholders*. Keadaan ini juga memberi kesan kepada penggunaan sumber khususnya sumber kewangan yang terhad serta keperluan modal insan yang berkualiti.

Bagi memenuhi ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat, JPBD Selangor perlu lebih responsif dengan menyediakan perkhidmatan yang menjurus kepada keperluan pelanggan. JPBD Selangor memerlukan idea dan pendekatan baru yang radikal bagi memastikan tahap penyampaian perkhidmatan agar lebih cekap, berkesan dan mesra pelanggan.

Oleh itu, JPBD Selangor perlu berani berubah dan mencuba pendekatan penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif ke arah menepati kehendak senario baru ini. Budaya inovasi adalah sebahagian daripada gerakan transformasi sektor awam di samping menyokong agenda peningkatan daya saing negara.

Ini selaras dengan surat pekeliling MAMPU bertarikh 29 Januari 2010 mengenai Panduan Peningkatan Budaya Inovasi dalam Perkhidmatan Awam kepada semua Jabatan dan agensi supaya mewujudkan unit inovasi di organisasi masing-masing bagi memandu dan menyelaraskan program-program inovasi yang digubal untuk Jabatan masing-masing.

3. RASIONAL UNTUK MENINGKATKAN BUDAYA INOVASI

JPBD Selangor telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan prestasi Jabatan seperti Program Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Program Peningkatan Produktiviti, Program Strategi-Strategi Peningkatan Kualiti, Program Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Program Pelaksanaan MS ISO 9000. Usaha-usaha ini telah mewujudkan asas yang kukuh bagi memastikan perkhidmatan JPBD Selangor yang berkualiti.

Cabaran dan perkembangan semasa hari ini memerlukan JPBD Selangor mengambil dan mengamalkan pendekatan yang lebih inovatif untuk terus menjadi organisasi yang relevan dalam perancangan bandar. Jabatan perlu menyusun strategi untuk meningkatkan budaya inovasi berpandukan kepada rasional berikut :

- i. Keperluan memenuhi perubahan ketara dalam kehendak rakyat secara lebih berkesan.
- ii. Keperluan memanfaatkan keupayaan teknologi terkini secara optimum.
- iii. Keperluan memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baru apabila kaedah-kaedah semasa didapati kurang berkesan.
- iv. Keperluan meningkatkan kecekapan dan mengawal kos dalam menangani kekangan sumber kewangan semasa.

4. TAFSIRAN INOVASI DAN KREATIVITI

Dalam konteks JPBD Selangor, inovasi boleh ditafsirkan sebagai cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan, terutama dalam penyaluran teknologi dan perkhidmatan sokongan bagi meningkatkan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Idea-idea tersebut boleh diperolehi dari dalam dan luar atau melalui proses pemerhatian atau diadaptasi untuk diguna pakai mengikut keperluan jabatan. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sedia ada. Inovasi boleh terdiri daripada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja mahupun pengenalan teknologi.

Inovasi yang dihasilkan bukan bertujuan menyertai pertandingan atau mendapat pengiktirafan semata-mata. Sebaliknya tumpuan hendaklah diberi kepada galakan inovasi secara berterusan bagi meningkatkan budaya inovasi dalam Jabatan ini.

Kreativiti ialah kebolehan atau keupayaan untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baru atau dalam bentuk baru melalui kemahiran imaginasi. Ia melibatkan keupayaan berfikir yang dapat melahirkan idea baru yang unik dan menarik, membuat penilaian secara analitikal terhadap idea dan seterusnya mengemukakan cadangan penyelesaian serta berfikir secara praktikal yang dapat menterjemahkan idea dan teori kepada bentuk aplikasi.

5. SKOP PELAKSANAAN INOVASI

Skop pelaksanaan inovasi dan kreativiti JPBD Selangor adalah untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan penyampaian. Fokus inovasi yang dirancang oleh JPBD Selangor perlu berasaskan empat (4) tunggak utama seperti berikut :

- i. Inovasi berasaskan teknologi
- ii. Kumpulan Inovatif & Kreativiti
- iii. Promosi & Pengiktirafan
- iv. Perekayasaan Proses Kerja (*Business Process Reengineering*)


Oleh yang demikian, semua Bahagian dan Unit perlulah menggalakkan pembangunan dan pembudayaan inovasi yang menyokong ke arah skop inovasi dan kreativiti seperti yang dinyatakan.

Dalam konteks sistem penyampaian, inovasi yang boleh dilaksanakan adalah dalam aspek pengurusan pelanggan, budaya kerja, pengurusan strategik, kepimpinan organisasi, sumber manusia dan aset termasuk tadbir urus, inovasi kewangan, ICT dan lain-lain.

6. STRUKTUR PENGURUSAN ORGANISASI INOVASI JPBD SELANGOR

Satu struktur pengurusan Unit Inovasi dan Kreativiti JPBD Selangor perlulah diwujudkan. Jawatankuasa Pemandu Inovasi & Kreativiti juga perlu diwujudkan bagi menentukan dasar, hala tuju dan strategi bagi menggalakkan penjana inovasi dan kreativiti. Unit Inovasi dan Kreativiti JPBD Selangor bertindak sebagai sekretariat kepada jawatankuasa ini. Penubuhan struktur jawatankuasa ini diharap dapat merancakkan budaya inovasi di semua peringkat warga Jabatan.

Carta Struktur Pengurusan Organisasi Inovasi JPBD Selangor



7. FUNGSI JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI & KREATIVITI

- i. Menentukan dasar dan strategi bagi menggalakkan penjanaan idea serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).
- ii. Menetapkan amalan dan proses yang menyokong peningkatan inovasi di peringkat jabatan / agensi.
- iii. Menyelaras dan memantau usaha-usaha pembudayaan inovasi yang turut merangkumi program latihan termasuk pemikiran kreatif.
- iv. Memberi pengiktirafan kepada warga jabatan yang menghasilkan inovasi.
- v. Mempromosi dan berkongsi inovasi yang dihasilkan oleh warga jabatan.

8. FUNGSI UNIT INOVASI & KREATIVITI

- i. Menyelaras serta menilai pelaksanaan program dan pembudayaan inovasi yang telah di luluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi.
- ii. Menyediakan laporan penghasilan inovasi oleh warga jabatan yang berimpak tinggi.
- iii. Bertindak sebagai urusetia kepada J/Kuasa Pemandu Inovasi.
- iv. Menyediakan Pelan Tindakan Inovasi.
- iv. Meneliti cadangan-cadangan inovasi oleh KIK/Bahagian/Individu.
- v. Menyelaras aktiviti-aktiviti pembudayaan inovasi.

- vi. Mengurus Konvensyen KIK/Hari Inovasi (sama ada secara dalaman atau dengan turut serta di peringkat negeri dan Ibu Pejabat)
- vii. Mempromosi Inovasi Jabatan.

9. FUNGSI KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

- i. Menambahbaik dan meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja khususnya dalam sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan melalui:
 - Keupayaan mencipta cara bekerja baru atau menghasilkan Inovasi.
 - Kebolehan menyelesaikan masalah atau membuat penambahbaikan kerja.
 - Semangat bekerja secara berpasukan.
 - Penyemaian dan penerapan nilai serta etika kerja positif.
 - Penglibatan dan peningkatan komitmen terhadap kerja.
 - Dorongan kerja yang tinggi.
 - Kesedaran mengenai tanggungjawab terhadap diri sendiri, kumpulan, organisasi dan negara.
 - Penggalakan penghasilan idea-idea yang inovatif dan kreatif.
 - Pewujudan hubungan yang harmoni di antara pihak pengurusan dan pekerja.
- ii. Mendapatkan idea kreatif dan inovasi daripada warga jabatan.
- iii. Cadangan KIK diperhalusi oleh unit inovasi untuk dikemukakan kepada J/Kuasa Pemandu Inovasi untuk pengesahan.
- iv. Menggerakkan pelaksanaan inovasi.

10. PROGRAM DAN AKTIVITI INOVASI & KREATIVITI JPBD SELANGOR

Bagi melaksanakan pembudayaan inovasi & kreativiti di kalangan pegawai di Jabatan, program dan aktiviti berikut perlu dirancang dan dilaksanakan.

BIL	PELAN TINDAKAN INOVASI	KETERANGAN RINGKAS
1.	Menubuhkan Unit Inovasi dan Kreativiti	Unit ini boleh ditubuhkan melalui melebarluaskan skop Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif sedia ada dan berfungsi untuk menyelaras program inovasi Jabatan.
2.	Mesyuarat Inovasi perlu diadakan mengikut perancangan dan keperluan. i. Mesyuarat JK Pemandu Inovasi ii. Mesyuarat JK Kumpulan Inovatif dan Kreatif	Mesyuarat bagi tujuan perancangan, pemantauan dan penilaian aktiviti inovasi.
3.	Program Kesedaran Inovasi	Sesi ceramah, lawatan dsb bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran inovasi.
4.	Aktiviti Pengumpulan Inovasi daripada warga Jabatan	Sedia program/jadual untuk dapatkan cadangan inovasi & kreativiti dari warga Jabatan.
5.	Pemantapan Kumpulan Inovatif & Kreatif	Pemantapan KIK untuk menyelesaikan masalah dalam secara kreatif dan inovatif.
6.	Sesi Perkongsian Ilmu	Sesi ceramah /perkongsian maklumat / pengalaman dan sebagainya. Sesi ini boleh dilaksanakan secara bersama di bawah program latihan Jabatan.
7.	Hari Inovasi	Sesi pengiktirafan kepada mereka yang terlibat dalam menghasilkan inovasi.
8.	Promosi Inovasi	Aktiviti promosi inovasi yang diperakui melalui pameran, laman web dan lain-lain.
9.	Pusat Koleksi Inovasi	Menyediakan tempat koleksi (model atau maklumat) inovasi untuk rujukan.

11. STRATEGIK PEMBUDAYAAN INOVASI JABATAN – PERANCANGAN TAHUN 2012

1. Program Kesedaran.

- ✚ Meningkatkan pemahaman dan kesedaran kepentingan menjadikan inovasi sebagai budaya kerja organisasi melalui aktiviti seperti kempen, pameran, seminar, pertandingan dan sebagainya.

Tindakan	Aktiviti	Indikator	Sasaran
Memantapkan Program Kesedaran	➤ Mengadakan taklimat / ceramah mengenai inovasi ➤ Memaparkan Pelan Tindakan Inovasi di web	➤ Taklimat / ceramah ➤ Paparan Pelan Tindakan Inovasi di web Jabatan	April - Jun 2012

2. Pengurusan Idea Warga Jabatan.

- ✚ Mewujudkan mekanisme untuk menggalakkan pengumpulan cadangan/komen dan idea dari warga Jabatan.

Tindakan	Aktiviti	Indikator	Sasaran
Mewujudkan mekanisme pengumpulan idea dan inovasi	➤ Mengadakan pertandingan di Jabatan ➤ Menyediakan saluran secara online di laman web Jabatan	➤ Inovasi peserta ➤ Cadangan-cadangan yang dikemukakan	Sepanjang tahun

3. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

- ✚ Memantapkan kumpulan KIK untuk melaksanakan inovasi melalui latihan-latihan.
- ✚ Memupuk semangat kerjasama dan berpasukan dengan menganjurkan pertandingan di kalangan kumpulan bagi membolehkan warga menyalurkan idea dan cadangan.

Tindakan	Aktiviti	Indikator	Sasaran
Memperingkatkan Budaya Kreatif dan Inovatif	➤ Memantapkan KIK ➤ Latihan KIK	Satu projek setahun Satu program setahun	Sepanjang tahun

4. Organisasi Pembelajaran.

- ✚ Menyediakan platform bagi memupuk budaya perkongsian ilmu.

Tindakan	Aktiviti	Indikator	Sasaran
Membudayakan perkongsian ilmu dalam organisasi	➤ Menggalakkan pembacaan bahan-bahan ilmiah bagi setiap warga	➤ Program perkongsian ilmu ➤ Kempen membaca/ K-Book Community	Sepanjang tahun

5. Promosi.

- ✚ Memberi sokongan dan mempromosi hasil inovasi yang dilaksanakan dengan jayanya kepada warga Jabatan. Promosi akan dibuat dalam bentuk risalah, edaran, email, laman web dan majlis rasmi Jabatan.

Tindakan	Aktiviti	Indikator	Sasaran
Hebahan Inovasi melalui pelbagai saluran	➤ Hari Inovasi ➤ Buletin ➤ Web	Sekali setahun Muat turun bahan terbitan jabatan	Sepanjang tahun

6. Pengiktirafan.

- ✚ Memberi penghargaan dan anugerah yang bersesuaian kepada individu atau kumpulan yang berjaya menghasilkan inovasi. Pengiktirafan tersebut akan disampaikan melalui Hari Inovasi atau Perhimpunan Jabatan.

Tindakan	Aktiviti	Indikator	Sasaran
Memberi penghargaan kepada individu dan kumpulan yang melahirkan inovasi	➤ Memberi sijil penghargaan ➤ Menyertai Anugerah Inovasi	Sekali setahun	Sepanjang tahun

12. PENUTUP

Pelan ini menjelaskan usaha-usaha yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor untuk meningkatkan budaya inovasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih inovatif bagi memenuhi ekspektasi serta melangkaui kehendak-kehendak pelanggan dan yang berkepentingan.